

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAQ
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 21.11.2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 15

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apa perancangan Kementerian untuk mempercepatkan pelaksanaan bekalan air terawat ke luar bandar kawasan Parlimen Lubok Antu ke kawasan berikut iaitu kawasan Changkul ke Rasau, Ng. Kumpang dan Danau Kandis, ke kawasan Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjang dan kawasan Setingin, Semueh dan San Semaju.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek bekalan air terawat ke luar bandar kawasan Parlimen Lubok Antu ke kawasan seperti kawasan Changkul ke Rasau, Ng. Kumpang dan Danau Kandis, ke kawasan Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjang dan kawasan Setingin, Semueh dan San Semaju ada dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 dengan syarat mematuhi skop dan kriteria program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan Unit Perancangan Negeri (SPU), Negeri Sarawak.